

SEKILAS INFO



Perjumpaan Bersama YBhg Datu' Ik Pahon

Warga SQRC berkesempatan mengadakan sesi pengenalan bersama YBhg Datu' Ik Pahon, Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Risiko yang baharu. Sesi ini turut memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang peranan penting Jawatankuasa Pengurusan Risiko dalam menyokong visi dan misi universiti.

YBhg Datu' Ik Pahon turut mengulas tentang visi beliau dalam mengukuhkan pengurusan risiko di universiti, dengan memberi penekanan kepada pentingnya analisis risiko yang lebih proaktif dan penyelesaian yang lebih inovatif dalam menghadapi cabaran masa depan. Beliau menyatakan bahawa pengurusan risiko bukanlah hanya tanggungjawab Jawatankuasa Pengurusan Risiko, tetapi melibatkan setiap individu dalam organisasi untuk berfikir secara kritikal dan bertindak dengan penuh tanggungjawab.

Lawatan Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) ke SQRC

Satu lawatan rasmi oleh pihak Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) ke SQRC Universiti telah diadakan pada 12 Ogos 2024. Lawatan ini bertujuan untuk memberi penerangan serta mendapatkan maklum balas berkenaan semakan semula proses pengurusan kualiti di UNIMAS secara menyeluruh. Dalam perbincangan yang diadakan, TNC-AA turut mengambil kesempatan untuk memberikan input dan cadangan terhadap langkah-langkah yang perlu diambil bagi memperkemas lagi proses-proses yang berkaitan. Ini termasuk mempertingkatkan lagi penglibatan semua pihak dalam memastikan pengurusan kualiti dapat dijalankan dengan lebih telus dan berkesan.



Perbincangan Lanjutan Keperluan SPeed 2.0 bersama TAHODC

Satu perbincangan lanjutan telah diadakan antara SQRC dan Unit Aplikasi, TAHODC berhubung keperluan lanjutan SPeed 2.0. Perbincangan ini bertujuan untuk memperincikan ciri-ciri yang diperlukan bagi meningkatkan prestasi serta kecekapan sistem dalam memenuhi kehendak pengguna. Sistem Speed 2.0 merupakan pelaksanaan terkini yang dirancang untuk menggantikan versi sebelumnya.



Bengkel Pemantapan Carta Organisasi Ptj

Bengkel pemantapan carta organisasi telah dianjurkan oleh Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, UNIMAS dengan tujuan untuk memperkemas struktur organisasi di setiap Pusat Tanggungjawab di UNIMAS. Bengkel ini dirancang dengan objektif utama untuk memberikan pendedahan mengenai pentingnya sebuah carta organisasi yang jelas dan teratur dalam memastikan kelancaran pentadbiran serta meningkatkan kecekapan setiap PTJ.

Kursus Asas Pengurusan Risiko (Modul 1)




SQRC diwakili oleh Prof Gs Dr Tarmiji Masron, Puan Dayang Zuliana Abang Abdul Rahman Dan Puan Adeline Ann Lubi telah menghadiri Kursus Asas Pengurusan Risiko (Modul 1) di UniSZA pada 15 Ogos 2024 anjuran Biro Latihan Dan Kompetensi, Majlis Pengurusan Risiko Universiti Awam (MARISK) yang turut dihadiri oleh 40 orang peserta dari seluruh Malaysia dan telah dirasmikan oleh YBrs Encik Shahrul Nizam Ahmad, Pengerusi MARISK.

Sesi Perbincangan Bersama Timbalan Naib Canselor (HEPA) Berhubung SP 2026-2030

Pada 23 Ogos 2024, satu sesi perbincangan telah diadakan bersama Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) berkenaan pembangunan Pelan Strategik UNIMAS 2026-2030. Sesi ini diadakan bagi membincangkan format template pembentangan yang akan digunakan untuk Pelan Strategik UNIMAS 2026-2030, yang dijadualkan akan diadakan di Mulu Marriot Resort melibatkan semua pemilik Strategik Fokus bersama ahli Jawatankuasa Eksekutif Universiti.

Format ini bertujuan untuk memastikan semua pemilik Strategik Fokus dapat menyampaikan maklumat dengan jelas dan sistematik. Pembentangan akan melibatkan beberapa komponen utama, antaranya adalah objektif setiap strategi, pelaksanaan tindakan, penilaian keberkesanan, dan anggaran sumber yang diperlukan. Setiap pemilik Strategik Fokus akan diberikan ruang untuk membentangkan perancangan mereka dengan lebih terperinci, serta mengemukakan sebarang cadangan atau penambahbaikan yang mungkin perlu dipertimbangkan.





PROGRAM SQRC OGOS 2024

Bil	Perkara	Tarikh
1.	Perjumpaan Bersama YBhg Datu Ik Pahon, Pengerusi JKPR Baharu	7 Ogos 2024
2.	Bengkel Pementapan Carta Organisasi PTi @ Borneo Culture Museum	12 Ogos 2024
3.	Lawatan Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) ke SQRC	12 Ogos 2024
4.	Perbincangan Lanjutan Keperluan SPeED 2.0 bersama TAHODC	14 Ogos 2024
5.	Kursus Asas Pengurusan Risiko (Modul 1) di UNISZA	15 Ogos 2024
6.	Sesi Perbincangan Bersama Timbalan Naib Canselor (HEPA) Berhubung SP 2026-2030	23 Ogos 2024

PENGURUSAN & PENTADBIRAN

Pengarah, Prof Gs Dr Tarmiji Masron | **Timbalan Pengarah**, Prof Madya Dr Lee Nung Kion | **Penolong Pendaftar Kanan**, Puan Dayang Mazina Awang Batu & Puan Dayang Zuliana Abang Abd Rahman | **Penolong Pegawai Tadbir Kanan**, Puan Adeline Ann Lubi | **Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Kanan**, Encik Mohd Hairulnizam Mohd Zamri | **Setiausaha Pejabat**, Puan Nur Aishah Jori | **Pembantu Tadbir Kanan**, Puan Norisa Mohamad Sahari | **Pembantu Tadbir**, Cik Siti Afizah Jamil & Encik Mohd Hafizuddin Sulaiman | **Pembantu Operasi**, Encik Rozaimi Anis

SOROTAN AKTIVITI



STRATEGIC PLANNING, QUALITY & RISK MANAGEMENT CENTRE

Pusat Perancangan Strategik, Pengurusan Kualiti dan Risiko
Universiti Malaysia Sarawak
Aras 3, Canselor
94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia
<http://www.sqrc.unimas.my/>